





INDEKS HARGA PENGGUNA, JUN 2025


Inflasi Malaysia meningkat perlahan 1.1 peratus
pada Jun 2025



INFLASI MENGIKUT KUMPULAN UTAMA



PERUBAHAN INFLASI 573 ITEM MENGIKUT KATEGORI BARANGAN & PERKHIDMATAN



Nota: Mei 2025 Jun 2025
Peratusan Perubahan: Tahun ke tahun


Nota: Naik Turun Kekal
Sumber: Indeks Harga Pengguna Malaysia (2010=100), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



Inflasi Bulanan Malaysia, Jun 2024 – Jun 2025



@StatsMalaysia



Inflasi Malaysia meningkat perlahan 1.1 peratus pada Jun 2025

- Inflasi Malaysia meningkat perlahan 1.1 peratus pada Jun 2025 dengan mata indeks mencatatkan 134.5 berbanding 133.0 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan perlahan ini turut ditunjukkan melalui penurunan dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan yang mencatatkan sebanyak negatif 3.6 peratus pada Mei 2025.
- Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP meningkat 2.1 peratus pada Jun 2025, kadar yang sama direkodkan pada Mei 2025. Subkumpulan Makanan di luar rumah menunjukkan peningkatan lebih tinggi, 4.7 peratus berbanding 4.4 peratus pada bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, penurunan Makanan di rumah sebanyak negatif 0.4 peratus, sedikit sebanyak mengekang inflasi ini daripada meningkat lebih tinggi.
- Selain itu, kumpulan Pendidikan, 2.2 peratus; Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 1.7 peratus; Insurans & Perkhidmatan Kewangan, 1.5 peratus dan Minuman Alkohol & Tembakau, 0.6 peratus turut meningkat pada kadar yang sama direkodkan pada bulan sebelumnya. Di samping itu, kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan, 2.8 peratus; Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, 0.8 peratus; Pengangkutan, 0.3 peratus dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah, 0.1 peratus mencatatkan peningkatan perlahan pada Jun 2025.
- Sepuluh negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional, 1.1 peratus dengan Kelantan merekodkan peningkatan terendah sebanyak 0.2 peratus pada Jun 2025. Walau bagaimanapun, lima negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Negeri Sembilan (1.6%), Selangor (1.6%), Johor (1.5%), Melaka (1.3%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1.2%).
- Inflasi keseluruhan secara bulanan meningkat 0.1 peratus pada Jun 2025 berbanding Mei 2025. Peningkatan ini didorong oleh Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan yang meningkat sebanyak 0.4 peratus. Manakala, Makanan & Minuman, Pengangkutan dan Pendidikan masing-masing meningkat 0.2 peratus. Selain itu, kedua-dua Rekreasi, Sukan & Kebudayaan dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan meningkat 0.1 peratus pada Jun 2025.
- Inflasi teras meningkat 1.8 peratus pada Jun 2025, kadar yang sama seperti bulan sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (4.2%); Makanan & Minuman (3.8%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (2.8%); Pengangkutan (2.3%) dan Pendidikan (2.2%).
- Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.1%) lebih rendah berbanding inflasi di Viet Nam (3.6%), Republic of Korea (2.2%), Indonesia (1.9%) dan Philippines (1.4%). Manakala, kadar tersebut lebih tinggi berbanding China (0.1%) dan Thailand (-0.3%).

